# AKTIVITI - AKTIVITI

# AKADEMI SENI KEBANGSAAN

# '2002

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

UTUSAN MALAYSIA
23 MAC. 2002

# Pereka kostum perlu lakukan rujukan




PENONTON mudah membuat kritikan terhadap tatarias, pakaian dan apa saja yang terdapat di tubuh pelakon yang beraksi di pentas. Itu adalah hak mereka untuk memberi komen. Namun, ada ketikanya pendapat mereka tidak sesuai diterima terutamanya jika ia berkaitan dengan sejarah atau zaman berlakunya sesuatu cerita.

Tentu ramai yang masih ingat tentang kostum teater *Lantai T.Pinkie* karya Sasterawan Negara Datuk A.Samad Said yang dipentaskan sebanyak tiga kali sejak 1997. Latar zaman adalah sebelum merdeka, dengan dunia joget dan masyarakat seni yang susah.

Latar ini tentunya menyukarkan seseorang pereka kostum misalnya untuk menghasilkan karya berbanding zaman kini. Inilah yang terjadi kepada penggiat seni serba boleh Rosman Ishak yang bertindak sebagai pereka kostum dalam teater tersebut.



ROSMAN ISHAK... pereka kostum harus peka.

"Saya rasa inilah cabaran paling getir dalam hidup saya sebagai pereka kostum. Saya mengadakan rujukan terhadap pakaian perempuan joget, masyarakat sekitar dan penduduk kampung sebelum mereka beraksi di pentas.

"Jika saya tersilap menghasilkan kostum, tentu kritikan akan dilemparkan. Hal ini tidak saya senangi apatah lagi ia sebuah karya besar dan menjadi sebutan ramai," katanya.

Menyedari hal ini, Rosman sentiasa melakukan rujukan dan kajian terhadap naskhah-naskhah yang mempunyai latar berbeza. Ini termasuklah purbawara, teater Barat, bangsawan, konversional, absurd dan sebagainya.

## Juru tatarias

Selain teater *Lantai T.Pinkie* anak kelahiran Terengganu kira-kira 32 tahun lalu ini juga mereka kostum bagi pementasan teater *Paduka Oedipus, Raja Laksamana Bentan, Pelayaran Nur Atma*, makyung *Anak Raja Gondang, Cindai, Assyura* dan terbaru *Anugerah*.

Selain sebagai pereka kostum, Rosman juga terlibat sebagai juru tatarias bagi teater *Yang Menjelma Dan Menghilang, Tun Perak* dan *Syakuntala*.

Graduan Teater dari Akademi Seni Kebangsaan (ASK) ini mengakui bahawa bakat dan kreativiti saja tidak menjamin untuk menjadi pereka kostum yang baik. Sebaliknya, mereka haruslah berlajar dari semasa ke semasa dam mempraktikkan dalam banyak persembahan.

"Saya melibatkan diri dalam bidang ini secara serius sejak di ASK lagi iaitu pada 1995. Apabila saya keluar dari ASK dan menjadi tenaga pengajar di institusi tersebut, saya terus giat mengembangkan kreativiti saya.

"Dengan cara ini bakat dan daya kreatif saya tidak akan terbiar begitu saya. Ia juga boleh diajar kepada mereka yang berminat," tegasnya.

Rosman juga serba boleh dan pernah beberapa kali mengacarakan majlis terutamanya yang berkonsepkan tradisional. Ini kerana Rosman memiliki skil tarian dan suara yang baik bagi tujuan tersebut. Antaranya, beliau pernah mengetengahkan konsep makyung untuk menjadi pengacara. Beliau muncul dengan konsep ini sebagai Mak Inang ketika menjadi pengacara Malam Puisi Utusan bersama Norzizi Zulkifli yang melakonkan watak sebagai Anak Raja Gondang.

Suara Rosman juga pernah muncul dalam siri *Kampung Boy* iaitu sebagai Opah.

1+LA
175%

135%

# A window on traditional dance

**By Gerald Chuah**
(geraldchuah@nstp.com.my)

IN RECENT times, graduates of the National Arts Academy (ASK) have received some degree of recognition.

Two of them, Syed Mustapha Syed Yasin and Hamid Chan, were featured in Ramli Ibrahim's *Gerak Angin* and Dua Space Dance Theatre's *Mendancescapes* last year, while Mohamed Arifwaran has been performing at international festivals regularly, a huge accomplishment for one so young.

NEW STRAITS TIMES
31/1/02

NST 31/1

Catch their performances in the academy's first two-dance programmes of the year — *Gelombang Baru 2002* and *Jendela 2002*, beginning this week.

*Gelombang* will be held tomorrow and on Saturday while *Jendela* will be on Feb 9 and 10.



TALENTED ... Mohamed Arifwaran

Joseph Gonzales, the academy's head of dance, said the annual event aims to identify, develop, educate and provide exposure to budding choreographers.

"We are committed to improving the standard of choreography and professionalism in performing arts in the country. Here is where it begins — that long road to life in the arts scene."

Gonzales said the event will see performances from the academy's students and graduates as well as guests from the River Grass Dance Theatre.



MOHAMED KAMALUDIN ... One of the performers

Apart from Syed Mustapha, Chan and Arifwaran, the other performers include Mohamed Kamaludin Mohamed Daud, Mohamed Firdaus Mustapha Kamal, Shafirul Azmi Suhaimi, A. Aris A. Kadir, Junainah M. Lojong, and Chua Meng Woo and Kiea Kuan Nam from River Grass Dance Theatre.

*Jendela* focuses on traditional dances as part of the academy's continuous effort to promote the genre in Malaysia.

The dances have never been presented in Kuala Lumpur. The evening will be divided into three sections — namely court dance, the folk dances of Sarawak and Sabah and the folk dances of the peninsula.

The court dance segment showcases dances that have their origins in the royal courts like *joget, gamelan, asyik* and *terinai*. These dances are graceful with strong emphasis on hand movements.

The folk dances of Sarawak and Sabah include *zapin sindang, ajat, Iban, induk, bolak-bolak* and *mangunatip*, which are performed during the harvest festival.

Meanwhile, *joget serampang 12, dabus, tari piring Pahang* and *zapin pekajang* are lively and are performed during various community occasions or celebrations such as weddings.

The rehearsals were conducted under the supervision of traditional dance luminaries such as Suhaimi Magi, Norjayadi Jasan, Guntik Sabili and guest lecturers.

Gonzales said: "ASK is committed to preserving and documenting traditional Malaysian dances in their authentic forms.

"The performances will provide a glimpse into an important aspect of dance training available at the academy."

*Gelombang* and *Jendela* will be held at Auditorium Tunku Abdul Rahman, Matic, Jalan Ampang, Kuala Lumpur, at 8.30pm.

Tickets, at RM10, are available at the

210% H+LA

NEW STRAITS TIMES 28/1

# Traditional dance fest

AKADEMI Seni Kebangsaan will present two evenings of traditional dance at the Malaysia Tourist Centre (MTC) in Kuala Lumpur on Feb 9 and 10 at 8.30pm .

This is part of the academy's continuous efforts to promote traditional dance, some of which have never been presented in Kuala Lumpur.

The evening will be divided into three sections:

- Court dance — showcasing dances that have their origins in the royal courts namely *joget, gamelan, asyik* and *terinai*. These dances are graceful with strong emphasis on hand movements.
- Folk dances of Sarawak and Sabah — *zapin sindang, ajat Iban induk, bolak-bolak* and *mangunatip* originate from the various communities of Borneo. The dances are performed during the harvest festival and also performed to invoke and appease the spirits.
- Folk dances from the peninsula — these dances like the *joget serampang 12, tari piring Pahang* and *zapin pekajang* are lively and performed during celebrations such as weddings.

The dances are supervised by traditional dance luminaries Sharifah Mahani Syed Kassim, Suhaimi Magi, Norjayadi Jasan and other guest lecturers.

For details, call 03-21649180.

# Majlis Bicara Puisi cungkil penulis pelapis

**Oleh Ismas Saring**

MAJLIS Bicara Seni dan Seminar Penulisan di Auditorium Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam, baru-baru ini bermakna khasnya kepada calon penulis yang pastinya bakal menghadapi pelbagai dugaan, rintangan dan cabaran sebelum berjaya mencipta nama.

Seramai 500 peserta hadir pada majlis anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Selangor (JKKS) dengan kerjasama Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang bertujuan melahirkan barisan pelapis dalam bidang penulisan puisi, cerpen novel, drama, teater dan lakon layar.

Pensyarah ASK, A Rahim Abdullah, berkata majlis berkenaan sebelum ini diadakan di Kuantan dan Johor Bahru turut mengadakan temumuka dengan kumpulan pelajar yang meminati bidang seni dan budaya.

"Tugas utama ASK ialah melahirkan penggiat dan pemikir seni yang berilmu dan menerusi pelaksanaan berpaksi kepada 'ilmu mesti diamalkan dan amalan mestilah berbudaya'," katanya ketika memperkatakan Teori dan Prinsip Penulisan Umum dan Cereka Moden.

Rahim banyak mempromosikan ASK termasuk peluang mendapatkan pendidikan penulisan seni bagi memperlengkap pengetahuan kepada mereka yang ingin mencebur diri dalam bidang penulisan tertentu.

Ismail Ahmad juga dari ASK memperkatakan Penulisan Skrip Cereka Pawagam (Lakon Layar) manakala rakan setugasnya Mohd Ghazali Abdullah menyinggung persoalan Teori dan Prinsip Penulisan Sekrip Lakon Layar .

Ramai peserta yang bertanya dan di antara yang menarik adalah pertanyaan biasa yang penulis dengar dalam pelbagai bengkel, kursus dan seminar penulisan iaitu: tidak tahu ke mana menghantar karya dan kenapa tidak disiarkan.

Pertanyaan itu memang meloyakan tetapi ada logiknya, kerana hakikatnya memang berlaku kepada penulis terutama bagi baru berjinak dengan penulisan dan ia tidak aneh kerana daripada 100 peserta, tidak sampai 20 berjaya dimahkotakan sebagai penulis.

Dalam hal yang sama, penulis teringat kepada kata-kata Sasterawan Negara (SN) Datuk Abdullah Hussein yang mendakwa: untuk menjadi penulis mereka perlu bukan saja kreatif, ketabahan, kesabaran tetapi kesetiaan dan kesungguhan dalam bidang itu.

Seseorang yang ingin berjaya dalam penulisan puisi, cerpen, drama dan novel, katanya, bukan mudah tetapi terpaksa mengharungi pelbagai rintangan dan dugaan termasuk banyak karya dihasilkan dan dihantar ke pelbagai penerbitan tetapi tidak disiarkan.

"Namun jika seseorang itu benar-benar gigih dia tidak wajar berputus asa sebaliknya terus menulis dan berusaha, akhirnya bakal mendapat tempat jua," katanya.

Ertinya, seseorang yang mengimpikan `robe' penulis bukan mudah hanya dengan menulis satu dua puisi, cerpen atau sekrip drama tidak disiarkan sudah `longlai' dan hilang tongkat seterusnya rasa pesimis dan putus asa. Golongan ini bukan sahaja tidak mencapai kejayaan dan gagal tetapi kecewa sampai `qulluhum' yang akhirnya memusuhi dunia penulisan!.

Siapa pun yang memberi ceramah atau kertas kerja dalam bidang penulisan mereka pastinya menyarankan supaya calon penulis banyak membaca karya agung atau menimba pengetahuan daripada mereka yang lebih berpengalaman.

Ismail dan Mohd Ghazali tidak kurang memberi petunjuk kepada calon yang ingin berjaya dan melengkapkan diri dengan semua pengetahuan+teori+pengalaman hanya menerusi ASK dan mendedahkan kepada calon penulis lakon layar dengan pelbagai disiplin atau rukun penulisan.

Di antara rukun penulisan lakon layar, katanya, ialah format, elemen dalam scene, scene heading, aksi, watak dengan menyertakan beberapa contoh yang pastinya sedikit sebanyak dapat membantu calon penulis ke denai penulisan lakon layar.

Segalanya tidak akan menjadi kenyataan sekiranya seseorang calon penulis tandus idea, tidak kreatif serta tidak mempunyai semangat tinggi untuk menjadi penulis lakon layar jika terus-terusan berfikiran pesimis sekiranya skrip tidak tersiar.

Penulis percaya, sekiranya calon penulis mengikuti segala yang disarankan dalam kertas kerja Ismail disertai dengan baja kesungguhan mereka yang mengikuti bicara seni jikapun tidak semua, pasti ada yang berbakat selaku penulis lakon layar masa depan.

Dalam kertas kerjanya Teori dan Prinsip Penulisan Skrip Lakon Layar Mohd Ghazali memberikan pengertian secara mendalam seperti sesuatu karya perlu berpaksikan kepada idea sama ada melalui pengalaman, pembacaan atau daripada penceritaan orang lain.

Menurut Mohd Ghazali karya juga perlu ada tema iaitu permasalahan yang ada dalam pemikiran seseorang penulis di samping ada watak dalam cerita, lokasi, situasi dan kondisi, pendekatan, dialog, konflik dan dramatik.

Penulis tidak bermaksud untuk merakam ketiga-tiga kertas kerja sepenuhnya kerana setiap kertas kerja mempunyai 14 hingga 21 halaman yang pastinya kurang praktik untuk dimuatkan semuanya dalam tulisan ini, namun usaha JKKS untuk memperkembang ilmu khususnya dalam penulisan perlu diberikan kredit.

Kegiatan JKKS dalam meningkatkan aktiviti seni dan budaya di Selangor akhir-akhir ini perlu diberikan sekalung bunga jikapun tidak memberi kepuasan total, namun sekurang-kurangnya usaha mereka diberi penghargaan wajar.

Diharapkan majlis itu bukan yang pertama dan terkahir baginya mengasuh penghuni Selangor tetapi akan diteruskan menerusi bicara lain yang boleh memberi lebih manfaat kepada rakyat dan negeri berpaksikan kepada ilmu.

Selangor bakal menjadi negeri maju 2005 dan semestinya pembangunan di antara ekonomi, pendidikan, ICT, seni dan budaya perlu seimbang bagi menepatkan slogan `industri dijunjung budaya di kendung'.

Berita Harian 13/08/02

Berita Harian
13/08/2002 170%
G + LA

UTUSAN MALAYSIA 20 MAC . 2002

# Kementerian Pendidikan kini iktiraf Diploma ASK

KUALA LUMPUR 19 Mac — Penantian selama lapan tahun berakhir hari ini apabila lulusan Diploma Akademi Seni Kebangsaan (ASK) akhirnya diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan.

Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Datuk Tengku Alaudin Tengku Abd. Majid berkata, pengiktirafan yang berkuat kuasa serta-merta itu membabitkan program Diploma Seni Muzik, Seni Tari, Teater dan Penulisan Kreatif.

Katanya, pengiktirafan program ASK telah dibuat oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) yang dipengerusikan sendiri oleh Menteri Pendidikan setelah menilai ASK selama dua tahun setengah.

"Dengan pengiktirafan ini bermakna Diploma ASK setaraf dengan diploma dari Institut Pengajian Tinggi tempatan (IPT) dan graduan ASK boleh memohon jawatan yang sesuai di bawah Perkhidmatan Awam," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar bagi mengumumkan pengiktirafan program yang dikendalikan oleh ASK di bawah pentadbiran Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan di Matic, hari ini.

Beliau berkata, selaras dengan pengiktirafan itu ASK akan menambah program latihannya dan sebagai permulaan pada pengambilan Mei 2002, ASK akan mengadakan kursus kelimanya, iaitu program sinematografi.

330%

A + LA

# Bangsawan perlu pengganti: Rahman B

BERITA HARIAN 22/12

**Oleh Zainal Baharum**



RAHMAN B



**HANG TUAH** (Mubarak Majid) dan Gangga Sogoro (Nasri Ayob) sedang bertikam dalam Bangsawan Taming Sari.

WALAUPUN ada yang mencebik bibir, tidak kurang yang melemparkan kata sindiran namun bagi Rahman B, dia tetap dengan pendirian meneruskan perjuangannya untuk menjadikan seni bangsawan sebagai satu cabang seni budaya Melayu yang tidak boleh diketepikan begitu saja. Ia mahu melihat bangsawan sama gagah, sama tegak sebagaimana seni budaya lainnya seperti makyung, wayang kulit, teater dan pembacaan puisi.

"Yang menyedihkan, ramai kawan yang suatu ketika dulu sama berjuang, bersemangat kini sudah tidak berminat lagi meneruskan perjuangan ini, malah ada yang mencebikkan bibir, menggeleng kepala dan tak mampu melawan arus," katanya.

Rahman berkata, ketika ini memang ada pelajarnya di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang berbakat dalam bangsawan tetapi banyak lagi bidang yang mesti mereka tumpukan.

Bangsawan *Taming Sari* yang dipentaskan di Matic, baru-baru ini adalah hasil usaha syarikat bangsawan yang dikendalikannya secara bersendirian.

"Sama sebagaimana pementasan teater lain yang memerlukan pelbagai kelengkapan dan pelbagai peralatan, demikian juga bangsawan. Ini semua perlu kerana kalau tak ada perkara itu semua, bukan macam bangsawan lagi.

"Selain tahu mengenai lakonan, ilmu lain juga mereka harus tahu, seperti sewaktu pertemuan di antara Sultan Melaka dengan Betara Majapahit. Kita harus tahu apakah jenis pakaian yang digunakan ketika itu. Begitu juga mengenai adat istiadat di istana, cara persilatan Melayu dengan Jawa juga harus tahu," jelasnya.

Kajian harus dibuat. Begitu juga pakaiannya. Persiapan secukupnya berkaitan bangsawan harus disediakan terlebih dulu kerana kalau mahu mementaskan bangsawan dan pada masa yang sama baru hendak membuat pakaian silam sudah tentu menimbulkan masalah kepada semua yang terbabit dengan produksi berkenaan. Ini pernah terjadi sebelum ini, yang mana akhirnya produksi itu berkubur begitu sahaja,"katanya.

Rahman berkata, mementaskan bangsawan bukan sesuatu yang senang sebagaimana yang disangkakan oleh mereka yang tidak tahu. Banyak perkara yang harus diambil kira. Saya berharap ada pengganti yang serius terutamanya daripada pelajar ASK kerana telah banyak ilmu yang saya curahkan di sana.

"Daripada apa yang saya lihat kalau tidak ada orang yang hendak mengambil tahu lagi mengenai bangsawan selepas saya meningggal dunia, saya kira bangsawan sebagai satu teater pasti akan berkubur begitu saja," katanya.

# KUMPULAN BERINGIN BAWA IRAMA ETNIK



BERINGIN...gabung pensyarah, graduan dan pelajar ASK. — Gambar ROZAINAH ZAKARIA

Oleh Haswari Ali
ayie@hmetro.com.my

SEMPENA Rainforest World Music Festival ke-5 di Kuching, Sarawak pada 10 hingga 17 Julai ini, kumpulan Beringin dari Program Muzik Akademi Seni Kebangsaan (ASK), mengadakan persembahan mereka yang bercirikan muzik berwajah Malaysia bersama-sama pemuzik dari seluruh dunia.

Sesungguhnya penyertaan mereka ini dianggap cukup bermakna kerana tidak semestinya untuk dikenali di peringkat antarabangsa kita harus keluar negara mempersembahkan kebolehan yang ada, sebaliknya dengan terbitnya program bertaraf dunia di negara kita

## Mereka diundang ke Kuching untuk membuat persembahan

sendiri, inilah masanya untuk kita membuktikan kemampuan anak watan di negara sendiri di hadapan pemuzik luar.

"Ini adalah kali pertama kita hantar sekumpulan pemuzik dari negara kita ke festival ini kerana inilah masanya kita ingin tunjukkan dunia umum dan Malaysia bahawa kita tidak kurang pemuzik berbakat dan bunyi serta irama muzik Malaysia kita sendiri.

"Sebenarnya festival ini terjadi cukup unik kerana penyertaan dari kumpulan antarabangsa semakin meningkat, ditambah pula lokasinya yang unik membolehkan festival ini berjalan amat berprestij.

"Bagi kumpulan Beringin pula keunikannya terletak pada ahlinya sendiri iaitu dianggotai lima orang pensyarah, empat graduan dan seorang pelajar tahun pertama ASK," kata Pengarah ASK, Norliza Rofli.

Kumpulan Beringin yang diketuai Ramlan Mohd Imam dijangka akan berada di beberapa lokasi terkemuka di Sarawak iaitu di Kampung Budaya Sarawak (12 Julai), Waterfront Amphitheatre, Kuching (15 Julai) dan Universiti Malaysia Sarawak pada 16 Julai ini dengan membawakan irama muzik tradisional dan etnik kepada bentuk irama yang lebih global iaitu fusion etnik.

UTUSAN MALAYSIA

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

# Monodrama *Lembu* sindiran terhadap politikus

2/10/2002.

Rabu. 2/10/2002.

3+LA 150%

Oleh SITI ROHAYAH ATTAN

*LEMBU* adalah antara karya terbaik generasi muda. Ketika karya Namron (Sahili Abdan) graduan Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dipentaskan, baru-baru ini, tidak ramai yang dapat menilai tafsiran tersirat. Paling mudah, mereka melihat cerita ini tentang kehilangan seekor lembu yang akan disembelih untuk menjamu Tokoh Besar yang akan datang ke kampung mereka.

Bagi yang berfikir lebih cerdik, mereka akan dapat melihat makna yang tersirat iaitu sindiran terhadap politikus kampung yang diwakili oleh YB Datuk Hassan Kasidi dan Haji Suhaimi.

YB mewakili ciri-ciri yang dimiliki oleh wakil rakyat pemerintah yang beriya-iya mengatur strategi untuk menyambut pemimpin besar. Dia sanggup melakukan apa saja untuk menunjukkan kepada pemimpin tertinggi bahawa masyarakat di bawah pimpinannya bersatu padu. Ini termasuklah mengumpul anak dara untuk menjadi penyambut tetamu dan menyembelih lembu di samping menyewa khemah.

Dalam waktu yang sama melalui beberapa dialog yang dituturkan oleh Haji Suhaimi, YB dilihat sebagai wakil rakyat yang memberikan tender kepada saudara maranya. Antaranya, termasuklah projek membuat jalan yang akhirnya tidak bermutu hingga berlubang-lubang dan becak apabila hujan.

Manakala, Haji Suhaimi dilihat oleh pengarangnya mewakili penyokong kuat parti lawan yang bercakap tentang dunia dan akhirat tetapi dalam masa yang sama mengamalkan sifat negatif - mengumpat, mengeji dan menggunakan agama sebagai propaganda.

Sebenarnya, pada tafsiran yang lebih dalam, istilah *lembu* itu bukan saja ditujukan kepada seekor lembu yang menjadi perbualan kerana dicuri. Sebaliknya, sebahagian besar, malah keseluruhan watak dalam drama ini memiliki sifat-sifat lembu. Contohnya, masyarakat kampung hanya mengikut apa saja arahan ketua mereka seperti 'lembu yang dicucuk hidung.'

Sifat lembu yang suka mengamuk dan panas baran itu juga dimiliki oleh Haji Suhaimi apabila dalam ceramahnya di surau 'terjerit-jerit' marahkan lawannya. Cara Haji Suhaimi melompat juga seperti lembu.

Sifat permusuhan YB dan Haji Suhaimi ini juga sama seperti lembu yang akan berlaga dan bertarung dengan lawan yang tidak sekufu dengannya.

Hubungan anak Haji Suhaimi, Maziah dengan anak YB iaitu Hadi juga menjadi seperti sifat binatang apabila mengadakan hubungan batin tanpa ikatan yang sah.

Menariknya, semua watak ini dilakonkan oleh seorang pelakon iaitu Shahrul Mizad Ashaari. Dalam monodrama ini beliau menghidupkan karektor YB, Haji Suhaimi, Isteri Haji Suhaimi, Maziah, Hadi, Cik Yah dan orang kampung amat mengesankan. Dengan bebanan tujuh watak sekaligus, Shahrul Mizad memperlihatkan kewibawaannya sebagai generasi muda yang mampu menangani watak yang pelbagai.

Ketika membawa watak Kak Yah iaitu 'pemberita' kampung yang juga penjual barang kemas, ternyata aksinya menjadikan khalayak tertawa tanpa henti. Kak Yah terkenal dengan sikap 'penyibuk' tetapi apa yang diberitahunya adalah betul.

Adegan percintaan Hadi dan Maziah juga amat mencuit hati. Dengan menjadikan kerusi plastik sebagai props, Shahrul Mizad benar-benar menjadikan kerusi itu sebagai pasangan lakonnya. Ada ketikanya kerusi itu menjadi watak Hadi dan ada ketikanya menjadi watak Maziah.

Suasana auditorium Muzium Negara menjadi riuh apabila aksi berasmara antara Hadi dan Maziah seperti benar-benar wjud apabila Shahrul Mizad berpelukan dengan kerusi. Malangnya, ketika berasmara di dalam hutan itu mereka dijumpai oleh orang kampung yang sedang mencari lembu yang hilang.



SHAHRUL MIZAD.... membawa tujuh watak sekaligus dalam pementasan Lembu di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

7+LA 154%



# MAKYUNG KURANG PELAPIS

## Belum ada orang yang boleh dikatakan pakar pakyung, makyung

Oleh Abie Abdullah
abie@hmetro.com.my



IKUT...Kak Asmah (kanan) dan Juhara tekun mengajar makyung kepada pelajar-pelajar ASK.

SENI teater tradisional makyung semakin 'nipis' dengan pelapis walaupun beberapa institusi pengajian tinggi menjadikannya sebagai satu daripada subjek untuk melengkapkan syllabus bagi mendapatkan diploma atau ijazah.

Kekurangan pelapis teater yang berasal dari Kelantan ini amat dirasai, malah seorang daripada tenaga pengajar jurusan teater tradisional di Akademi Seni Kebangsaan (ASK), Fatimah Abdullah turut mengakui fenomena itu.

Menurut Fatimah, 43, yang lebih selesa membahasakan dirinya Kak Asmah, kebanyakan mereka yang pakar dalam makyung berasal dari keluarga penggiat makyung seperti Cik Kemala, Allahyarham Mak Jenab dan Khatijah Awang.

"Macam saya juga, belajar makyung sejak berusia 10 tahun daripada ibu saudara (Mak Jenab) yang berasal dari Wakaf Bharu, Tumpat, Kelantan. Saya akui bukan mudah untuk seseorang bergelar pakar makyung yang baik.

"Bagi saya, makyung dan pelapisnya masih wujud tetapi belum ada lagi yang betul-betul boleh dikatakan sepakyung atau makyung yang pakar.

"Setakat belajar di sekolah atau pengajian tinggi seperti ini belum cukup untuk mendalami ilmu serta bidang makyung yang merangkumi pelbagai aspek seperti nyanyian, lakonan, tarian dan muzik.

"Malah subjek makyung hanya dijadikan salah satu mata pelajaran dan kebanyakan pelajar mengambil subjek ini sebagai syarat wajib untuk lulus. Ia sebenarnya tak boleh buat acuh tak acuh," katanya yang ditemui sebelum latihan di ASK, baru-baru ini.

Kak Asmah berkata, untuk menjadi orang yang benar-benar 'ahli' dalam teater unik itu memerlukan kesabaran dan bergantung kepada keikhlasan serta kesungguhan seseorang mempelajarinya. Katanya, untuk belajar melagukan nyanyian makyung saja, sekurang-kurangnya tiga tahun diperlukan.

Kak Asmah yang sudah dua tahun bersama ASK sempat melagukan lagu Jara Bilik Awang kepada Harian Metro sebagai bukti, bukan mudah untuk melagukannya jika tiada tumpuan.

Selain berkhidmat di ASK secara kontrak, Kak Asmah juga mengajar warisan budaya berharga ini di beberapa badan kebudayaan lain seperti Petronas, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Yayasan Seni dan kumpulan-kumpulan persendirian.

Baginya, bukan wang menjadi kriteria utama tetapi dia ingin melihat warisan nenek moyang Melayu itu tidak ditenggelami dek kecanggihan dan kemasukan budaya baru.

"Saya berani katakan, setakat ini belum ada seorang pun lagi yang betul-betul matang atau boleh menjadi pengajar makyung. Ketika saya belajar makyung dulu, itupun secara sepenuh masa, hanya dua atau tiga orang saja daripada 10 pelajar yang mampu menamatnya dengan cemerlang," katanya.

UTUSAN MALAYSIA 6/3/02 84 LA 150%

# Teater Asia perlu untuk pendidikan

AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) sejak setahun lalu cuba mencari kelainan dalam pendidikan teater klasik dalam sistem pengajarannya. Tumpuan tidak lagi tertumpu kepada naskhah Barat, sebaliknya kepada naskhah Asia.

Dalam hal ini, pementasan naskhah klasik *Syakuntala* dari India tahun lalu adalah eksperimen atau pendedahan penuntut dan graduan ASK terhadap naskhah klasik Asia.

Pensyarah ASK yang menerajui pengajaran teater klasik, Wisran Hadi melihat tentang keperluan bagi pelajar dan generasi muda teater memahami aspek dan gaya teater klasik dunia dan Asia.

Menurutnya, sistem pendidikan seni pentas di kebanyakan negara Asia Tenggara, khususnya Malaysia dan Indonesia terlalu berkiblatkan Barat.

Ini menyebabkan khalayak teater dan pelajar lebih mengenali *Hamlet*, *McBeth*, *Romeo dan Juliet* serta *Julius Caesar* berbanding naskhah agung dari Asia.

"Pendidikan dan pementasan teater klasik Barat secara terus menerus tidak selaras dengan objektif pendidikan teater Malaysia hari ini. Kita juga harus memberi tumpuan kepada naskhah dari Timur dan Asia khususnya.

"Selain itu, kedudukan ASK sebagai institusi pendidikan tunggal dalam seni dan budaya harus mempelbagaikan bidang pendidikan teater klasik, " kata aktivis teater Indonesia ini.

Wisran juga menegaskan, biarpun beliau hanya 'diperuntukkan' sebuah pementasan teater klasik setiap tahun, aspek-aspek pengajaran teoritikal dan pendedahan teater klasik Asia tetap diberi penekanan.

Ini tidak bermakna beliau sama sekali menolak pengajaran dan pembelajaran teater klasik Barat untuk pelajar ASK. Malah, kaedah ini lebih berkesan kerana ia adalah perbandingan yang efektif kepada pelajar.

"Sebagai tenaga pengajar di ASK, pengarang serta penggiat teater dan drama, saya cuba membawa perubahan dalam material pendidikan teater di ASK. Ia menuju kepada satu permasalahan teater dan filosofi dunia Timur.



WISRAN HADI...pelbagaikan ilmu

"Berdasarkan pemahaman inilah saya sedaya upaya memberi pendedahan baru kepada pelajar dan masyarakat seni di negara ini. Saya juga mahu mengubah persepsi pelajar supaya mereka tidak melihat yang baik itu hanya dari Barat," tambahnya.

Beliau berpendapat naskhah klasik Asia juga mempunyai kelebihan tersendiri yang sesuai dengan budaya, kesenian dan falsafah masyarakat Asia dan timur.

Katanya, penekanan pengajaran teater klasik timur ini secara langsung meningkatkan harga diri budaya dan kesenian Asia. Ini kerana ia secara tidak langsung menggali pelbagai khazanah timur yang semakin dilupakan.

"ASK berusaha mencari naskhah klasik Asia yang dianggap sesuai dengan kurikulum pendidikan di sini. Proses penterjemahan dan pementasan akan dilakukan oleh pelajar," jelasnya.

Sementara itu, bahan-bahan untuk pembelajaran teater klasik di ASK banyak menggunakan sumber berbahasa Indonesia yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia.

Wisran dari satu sisi melihat bahawa Malaysia perlu melahirkan generasi pelapis teater di negara ini, terutama penulis skrip. Bilangan mereka sangat kecil jika dibandingkan dengan Indonesia.

Dalam program membina generasi baru teater tanah air, Wisran mengadakan beberapa bengkel teater yang menggabungkan konsep teater tradisi dan moden.

1st LA.

160%

NEW STRAITS TIMES, THURSDAY, FEBRUARY 21, 2002



# Master the arts at ASK

*Akademi Seni Kebangsaan focuses on the acquisition of artistic skills, writes AHMAD SUFFIAN.*

AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) or the National Arts Academy is a training institution focusing on the performing arts.

Set up in 1994 under the auspices of the Ministry of Culture, Arts and Tourism, ASK's role is to plan and implement training programmes in dance, theatre, music, and creative writing.

Its curriculum was formulated and designed to take into account established methods in teaching of the arts and the need to preserve, popularise and develop the traditional arts of Malaysia.

It conducts full-time diploma level courses that last three years (six semesters), in dance, theatre, music, and creative writing.

Certain subjects from each academic department are offered to part-time students, each of which runs for a semester. It is also planning to conduct courses in cinematography this year.

The focus of its training programme is the acquisition of artistic skills, hence 70 per cent of the students' time is spent on studio work, rehearsals, stage productions and performances, while 30 per cent is spent on theory.

ASK plays a major role in nurturing young, talented and creative artistes who in turn are contributing directly to the development of Malaysia performing arts, be it in the form of new works or in the traditional performing arts genre. It conducts courses on dance/music/theatre performances; workshops and master classes and academic discussions on specific topics.



*ASK ... Plays a major role in nurturing young talent*

❒ **For details, contact Akademi Seni Kebangsaan (Culture, Arts and Tourism Ministry), 33rd floor, Empire Tower, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur; Tel: 03-21649180 ext 250 (Norizah Arshad) or ext 220 (Melah Khalid); or Fax: 03-21641986.**

Viva!

Wednesday December 5, 2001

Inside


| | |
|---|---|
| Marriage material | p22 |
| Home improvement | p24 |
| Hair supply | p25 |
| The dragon's graveyard | p28-29 |
| TV Guide | p31 |


# CHASING AFTER SHADOWS

**Wayang kulit, taught as an academic subject and revered as an art, needs to be brought into the light if it is to survive in the modern age, says Sharifah Hamzah**



pictures by **HARIS IBRAHIM**

PUPPETS IN THE NUSANTARA region are not just for kids. In fact, it has been an integral part of the lives of those in the various communities since ancient times. *Wayang kulit* is said to be one of the oldest performing artforms in Asia. n its heyday, it not only brought entertainment and clas-sic stories to a vast sector of the communities, it was was also used as an informal tool of education, information and even social criticism.

Historical records show that in Java, religious teachers sed the *wayang kulit* to spread the teachings of Islam. he practitioners of the arts were respected as cultural proponents, and the skills, which were often handed down from father to son, took a lifetime of dedication to master.

The term '*wayang kulit*' itself refers to performances using puppets casting shadows with the use of a screen and a light- source. The puppets are usually made of animal hide or wood.

At the recent Festival Wayang Nusantara organised by Akademi Seni Kebangsaan, it was as though the wide world of *wayang kulit* from the region had opened up in the cosy auditorium of the National Art Gallery.

Some of the more well-known forms of *wayang kulit* include *wayang kulit Kelantan*, *wayang purwa* and *wayang golek*.

*Wayang kulit Kelantan*, also known as *wayang kulit Siam*, is the form of *wayang kulit* that Malaysians are most familiar with. It is, as its name suggests, popular in Kelantan as well as Trengganu, Pahang and southern Thailand.

The puppets are smaller than the other forms of *wayang* and the *hikayat*, or annals are told in the Kelantan-Patani Malay dialect.

In contrast, the *wayang purwa*, which was introduced by Javanese immigrants and still exists in Johor, uses stylised puppets which do not resemble actual physical human form. The faces are also unconventionally painted white, black, red and maroon. Many of the stories are derived from Javanese myths and performed in Javanese.

turn to **PAGE 20**

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

12 + EA 150%

from PAGE 19

The 'granddaddy' of *wayang kulit* in terms of size and splendour is *wayang golek*. Here, the puppets are three-dimensional and bigger. In addition, no screen or shadow is used, and the audience see the puppets directly.

Although countries like Malaysia and Indonesia have scholars and institutions of learning that continue to document and keep this performing art alive, the situation on the ground is vastly different in each country.

While Indonesia has succeeded in making *wayang kulit* a form of popular entertainment that cuts across different generations of society, in Malaysia, proponents of *wayang kulit* face the challenge of retaining and developing the tradition.

The dwindling number of *dalang* (master puppeteers) in Malaysia says it all: in the 1970s, there were about 200 *dalang* – today, we are left with only 12 or 13.





(right)The dwindling number of *dalang* (pictured) in Malaysia – there are presently only about 12 – points to a serious need for the preservation of the *wayang kulit* tradition. (below) The situation is vastly different in Indonesia, says Nasaruddin (pictured), where young men are vying for the well-paid job.

"I think there is too much rhetoric surrounding this issue," says Mohammed Ghouse Nasaruddin, cultural activist and lecturer in the Performing Arts Faculty of Universiti Sains Malaysia.

"The key problem is too few *dalang* and musicians specialising in *wayang kulit* musical instruments like the *serunai* (Malay flute). Teaching it at the institutions is fine, but the students' involvement might not last beyond the academic years. We need a new generation who is willing to make *wayang kulit* their lifetime craft and passion.

"But the trouble is, parents do not want their kids to make their mark in this performing art."

For its perpetuation, he says, we have to generate demand for its performances, which should also be held in places that are accessible to a wide sector of the public.

When Ghouse visited Indonesia, he could not help but feel a touch of envy as he watched *wayang kulit* telecast over the television as part of the regular weekly programmes.

Indeed, Singgih Wibisono, Indonesia's cultural activist and lecturer in the Literature Faculty of Universitas Indonesia, says many *wayang kulit* performances in the Indonesia attract a sold-out crowd.

"In the 1960s, there was a great deal of talk and worry that our *wayang kulit* might not stand the test of time," he recalls.

"We have almost 100 forms of *wayang kulit* and it is a heritage that is very dear to our hearts.

"So all the culturalists and concerned parties put their heads together and resolved to revive *wayang kulit* and keep it vibrant."

One of the first steps taken was the innovation of the stories. Even while keeping to the original classics or mythology for the main plots, the *dalang* began adding *cerita ranting* or sub-plots that touched on contemporary events and topics.

The *dalang* were encouraged to improve and polish their skills, and as the popularity of the performances grow, they began to compete against each other.

"Today, young men are eager to make a career as *dalang* because it has become a rather lucrative job, as good *dalang* are much in demand. The *wayang kulit* troupes organise themselves as a business entity," says Singgih.

"They are also constantly experimenting, for example, they might have three *dalang* instead of one performing in one night."

"The dalang have their own professional association with branches all over Indonesia. The Sekretariat Pewayangan Indonesia – an NGO made up of members involved in *wayang kulit* and cultural activists – is dedicated to the development of *wayang kulit*. They even have their own building," says Singgih

Ghouse is worried that in Malaysia, time may soon run out for us to salvage what we have left of the wayang kulit heritage. "To make it part of the community's life and entertainment again, everyone who cares needs to play a part," urges Ghouse.

## The **tree** of life



A key *wayang kulit* figure that one sees in every performance is the one shaped like a leaf or a tree.

This is known as the *pohon beringin* or the tree of life, which contains the essential philosophy of this ancient performing art. It also symbolises several things such as the mystery of the universe and the created world of the wayang characters.

"The *pohon beringin* is a tiny replica of the concept of the universe. The puppet-maker has the complex task of carving and meticulously combining all its integral design elements, like birds, fish reptiles, flowers and buds," says Sugu Kingham of Universiti Sains Malaysia, who has conducted in-depth research on the art.

At the beginning of each performance, the *dalang* places the *pohon beringin* on the centre of the screen. He then vibrates the figure from side to side, before proceeding with the play of the more human-like figures.

The *pohon beringin* is also a crucial and versatile prop used to indicate the boundary between two countries and also to represent a city, jungle, mountain or river when such a prop is required in the course of the performance.

"It is said that a master puppeteer might be willing to part with some of his puppet figures but not the *pohon beringin*. They believe that it has to be treated with great respect," says Sugu.

## **horo**scope

Sagittarius **(November 22 - December 20)** No one is more open-minded than you are. But you like to make decisions in your own time. Consequently, you'll not only resist this week's extraordinary developments, you could fight the very changes that could lead to rewarding and exciting activities.

Capricorn **(December 21 - January 19)** Just when you're wrestling with nearly crippling self-doubts, you're also being hugely acclaimed. Bizarre as this may be, the anxieties that you're experiencing are nothing more than the feelings that accompany the beginning of a new chapter of your life.

Aquarius **(January 20 - February 17)** Recent developments would have given you good reason to think that certain much-valued relationships were no longer part of your life. With the current potent aspects to Pluto, those are likely not only to come back but with renewed strength and vigour.

Pisces **(February 18 - March 19)** Life would be so much easier if you could be sure what the next day would bring. But with the current planetary set-up, change is the only thing that you can rely on. Until next Friday's solar eclipse, keeping things flexible avoids disappointment.

Aries **(March 20 - April 19)** You have more courage than a dozen other people put together. Yet this week's issues have substantially undermined that confidence. Daunting as situations seem, aspects to Pluto bring rewards to those who are willing to take a chance on facing anything or anything that you fear.

Taurus **(April 20 - May 19)** With most people you have no problem being as firm as situations require. Yet there are certain individuals who you find it difficult to say no to. Now, you're going to have to draw the line or simply accept that they're going to be very expensive to keep around.

Gemini **(May 20 - June 20)** You've been hoping that you could ignore certain things you said that weren't exactly factual. Now, with your ruler Mercury meeting the uncompromisingly honest Pluto, you've no choice but to confess or face the embarrassment of having your misstatements exposed as untruths.

Cancer **(June 21 - July 21)** The past several weeks have been demanding on many fronts. You've found it difficult to look after yourself properly. Now you must balance the scales. This can't be achieved in a day. Begin this week, and you'll soon restore your self-esteem.

Leo **(July 22 - August 22)** Being generous and gracious, you don't usually get caught in unseemly battles for the last word. Unless you're careful, what begins as mere differences could swiftly deteriorate into power struggles. During this tense week they could cause rifts that will prove difficult to mend.

Virgo **(August 23 - September 21)** For everything that goes, something new comes. That's the lesson that Pluto teaches. Remember this as your ruler Mercury and the Sun meet the planet of rebirth and renewal. Do that and you'll have a clearer perspective on events, discussions with others and your own feelings.

Libra **(September 22 - October 22)** Balancing time with those you care about most, work and other obligations is never easy. Now sudden changes in circumstances or the unreasonable demands of certain individuals have made it all more difficult. The solution? Say no.

Scorpio **(October 23 - November 21)** This week's pivotal aspects to your ruler Pluto usher in a new cycle for you. Since Pluto is the planet of truth, these aspects influence everyone. Not only will you not be alone in having to face issues, discussions with others could prove illuminating, inspirational or even revealing.

16+LA 1200/-

NEW STRAITS TIMES 14/6

NST 14/6

# Move to a new groove



UP IN THE AIR: Azizi Sulaiman and Sabarina Masadi in Mahu Tak Mahu

**Contemporary dance is the focus of a new group of young choreographers who are refining their art under the auspices of the Akademi Seni Kebangsaan. SHARANYA MANIVANNAN writes.**

THE Akademi Seni Kebangsaan (ASK) has been responsible in large measure for the artistic revolution taking place in Malaysia at the moment.

Having churned out accomplished graduates such as Jerrica Lai and Mohamad Arifwaran to inject new blood into the theatre scene, ASK now tries its hand at another arena: dance choreography.

In order to showcase its emerging talents, ASK set up the *Gelombang Baru* (New Wave) series in alliance with The Actor's Studio and MyDance Alliance in 1999.

The second instalment of the series, *Gelombang Baru 2002*, will feature the work of eight young choreographers who will perform self-created pieces alongside a group of 15 dancers.

ASK's head of dance and artistic director Joseph Gonzales said that *Gelombang Baru* hopes to expose young choreographers to a new audience. "Most of the material is contemporary work, which the audience often finds hard to relate to. So in a way we are also trying to expose the audience to more contemporary work".

"Ten years ago in Malaysia, there wasn't much room for young choerographers. But now, hopefully, we are providing the opportunity (for them).

"What we at ASK are most importantly trying to achieve is to give young people a chance to perform," he continued.

Among the choreographers featured are Azizi Sulaiman, 21, and Sabarina Masadi, 23, who explore conflict in a relationship through the provocative piece, *Mahu Tak Mahu...*

They explained that the piece focuses on choices, specifically on the choices faced by a

"It's an art form that you can't quite capture or preserve, unlike, perhaps, a book that has been published. There is always room for change."

The *Gelombang Baru* series is also an avenue for ASK students to test the volatile waters of the local arts scene under the safe wing of the Actor's Studio and MyDance Alliance.

Gonzales explained. "ASK provides a

he Yang di-Pertuan Agong XII

By

14 + EA 150 ½

HARIAN METRO

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Ahad
13 Okt 2002

# Minat teater Mak Yong




JUHARA AYOB

Oleh RAMLAH ZAINAL
ramlahzainal@hmetro.com.my

STATUS sebagai isteri tidak menghalang pelakon teater dan dramatis berbakat, Juhara Ayob, 31, untuk terus bergiat aktif dalam bidang yang diminatinya sejak dulu dan seterusnya memberi sumbangan dalam memeriahkan lagi perkembangan dunia seni tanah air.

Cuma, mungkin dia terpaksa membataskan sedikit kegiatan seninya dan bijak membahagikan masa, sesuai dengan statusnya sebagai isteri, bagi memastikan kerjayanya tidak menggugat kebahagiaan rumah tangga yang baru dibina bersama suami tercinta.

Hello MA menghubungi Juhara, Ahad lalu, untuk bertanya khabar mengenai perkembangan terkini pelakon ini.



**Metro Ahad (MA): Assalamualaikum. Apa khabar, lama tak dengar berita. Masih aktif berlakon ke sejak kahwin?**

JUHARA (J): Saya dan keluarga sihat. Saya akan berangkat ke Langkawi malam ini kerana menjayakan pementasan teater Mak Yong di sana, sempena Tari 2002 - Celebrating Asian Dance yang bermula 4 Oktober lalu hingga 12 Oktober (semalam). Kami mewakili Akademi Seni Kebangsaan (ASK) bagi menjayakan pementasan teater di sana bersama delegasi dari negara Asean.

Selepas ini saya akan menjayakan sketsa teater, sempena Anugerah Seni Negara 2002 pada 23 Oktober ini. Teater itu akan mementaskan sedutan teater yang pernah diarahkan tokoh teater tanah air yang juga penerima anugerah, Datuk Syed Alwi Syed Hassan yang menyumbang dalam perkembangan dunia teater sejak 1970-an hingga kini.

**MA: Selain teater, bagaimana pula dengan dunia lakonan?**

J: Saya baru selesai penggambaran telemovie selama 10 hari keluaran Bright Network, Bila Ayah Minta Kahwin, khusus untuk Hari Warga Tua yang akan disambut tidak lama lagi.

**MA: Adakah suami memberi sokongan sepenuhnya untuk bergiat aktif dalam kegiatan seni selepas mendirikan rumah tangga?**

J: Sebagai isteri, saya kena pandai bahagikan masa antara kerjaya dan rumah tangga, walaupun suami beri lampu hijau. Mungkin kerana dia juga terbabit dalam bidang sama, sebab itu dia faham minat saya.

Saya juga akan pastikan jadual penggambaran tidak menjejaskan saya daripada menunaikan tanggungjawab sebagai isteri dan waktu bersama keluarga. Jika boleh, saya akan memilih penggambaran hanya sekitar Kuala Lumpur.

**MA: Boleh ceritakan bagaimana timbul minat untuk mendalami bidang teater Mak Yong?**

J: Saya minat tarian Mak Yong dan irama tradisional sejak dulu lagi. Secara kebetulan pula di ASK, kami diwajibkan ambil kursus yang mengkhusus kepada cabang seni berkenaan.

**MA: Ada dapat tawaran berlakon filem?**

J: Sebelum ini, saya pernah berlakon dalam filem Jogho dan ia pengalaman yang sangat berharga bagi saya. Jika ada tawaran watak yang sesuai untuk berlakon filem dan tidak mengganggu jadual kerja dan rumah tangga saya, pasti saya akan pertimbangkan.

**MA: Bila hendak menimang anak?**

J: Kami bercadang menimang cahaya mata dalam waktu terdekat ini dan berharap mendapat sepasang anak kembar, jika boleh lelaki dan perempuan. Secara kebetulan, mak mentua hendak pergi menunaikan umrah dan kami minta dia mendoakan supaya impian itu tercapai.

**MA: Apa cita-cita dan perancangan masa depan?**

J: Saya ingin mendalami bidang teater Mak Yong secara lebih mendalam bagi memartabatkan lagi warisan irama tradisional ini. Saya juga mendapat galakan sepenuhnya daripada pensyarah di ASK, Fatimah Abdullah.

**MA: Terima kasih.**

J: Sama-sama.

297%. C+LA

HARIAN METRO 20 MAC. 2002

# Diploma Akademi Seni Kebangsaan diiktiraf

KUALA LUMPUR: Graduan serta bakal graduan daripada Akademi Seni Kebangsaan (ASK) di bawah Kementerian, Kesenian dan Pelancongan kini boleh menarik nafas lega apabila diploma akademi itu diiktiraf setaraf dengan diploma lain daripada Institusi pengajian tinggi tempatan (IPTA) yang lain.

Ini berikutan pengumuman Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) dipengerusikan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad pada 17 Januari lalu bahawa Diploma Seni Muzik, Diploma Seni Tari, Diploma Teater dan Diploma Penulisan Kreatif ASK telah diiktiraf bagi maksud lantikan ke dalam Perkhidmatan Awam Malaysia.

Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan, Datuk Tengku Alaudin Tengku Abd Majid, berkata pengiktirafan diploma ASK itu adalah satu lagi titik sejarah yang menyokong usaha pembangunan kebudayaan serta mempertingkatkan kecemerlangan hasil karya seni tanah air.

Menurutnya, semenjak ASK ditubuhkan pada 1994 dan bermulanya program diploma, akademi itu berjaya menghasilkan tiga kumpulan graduan yang semuanya berjumlah 108 orang.

"Kurikulum ASK adalah unik dalam ertikata struktur latihan dalam bidang tari, teater, penulisan dan muzik yang dilaksanakan adalah berlandaskan kesenian tradisional rakyat Malaysia," katanya.

1759.
B+LA

# Realiti moden dalam *Death of A Salesman*

BERITA HARIAN 22/12

**Oleh Amalia Fauza Bohari**

BAGI khalayak yang tahu mengelak daripada menyaksikan pementasan yang merendah-rendahkan mentaliti serta bijak menilai kekesanan dengan empati tinggi, maka betapa lama pun karya itu pernah dihasilkan, masih tetap dianggap mampu memberi pulangan minda yang besar dalam merenung cabaran hidup di dunia realiti.

Begitulah yang dapat dirasakan apabila menyaksikan karya epik Inggeris dengan sentuhan sarat modenisme-realis; *Death of A Salesman*, terjemahan karya penulis kelahiran New York, Arthur Miller. Beliau seorang aktivitis dan antara tokoh moden yang masyhur pada zamannya.

Menerusi arahan profesional pengarah lulusan Universiti Indiana, Roselina Mohd Khir, kemasyhuran itu sekali lagi cuba diangkat kembali dengan kerjasama Akademi Seni Kebangsaan (ASK) mementaskannya di Auditorium MTC, Kuala Lumpur baru-baru ini. Dengan keberuntungan sang pengarah mengumpulkan tenaga lakon yang sudah tidak asing lagi dalam bidangnya, persembahan ini bergerak di atas landasan yang lancar dan meyakinkan.

Jalinan plotnya, meskipun sesetengahnya dipotong, dimampat dan digubah kembali bagi memantapkan setiap watak yang memiliki kepentingan dalam menjayakan konflik yang timbul.

Sebahagian adegannya digerakkan melalui peralihan dari masa sekarang ke masa lampau, dengan latar tempat yang turut berubah, mengheret penonton mengikuti imaginasi watak utamanya.

Pencahayaan yang dieksploit di pentas berfungsi besar menghidupkan peralihan masa. Ia mengukuhkan gambaran suatu impian, iaitu 'American Dreams' yang mengejar sukses melalui kebendaan dan Willy Loman menjadi mangsanya. Ia memperlihatkan bagaimana watak itu bergelut di dalam dirinya sendiri, sehinggalah kepada gambaran tragis yang menakutkan akibat dari perbuatannya sendiri.

Willy menampakkan watak manusia yang hidup dalam kepalsuan, juga oleh tipu helah menerusi percubaannya membunuh diri untuk mempertahankan maruah keluarganya sendiri.

Ceritanya berkisar kepada impian dan harapan seorang jurujual, Willy Loman, 63, (Ahmad Yatim) yang menetap di Brooklyn, New York bagi menyara kehidupan keluarganya dengan sokongan isteri taat yang tidak bekerja, Linda (Rohani Yousoff). Sepanjang hidupnya dia membayangkan harapan yang tinggi terhadap kedua-dua anak lelakinya; Biff (Khir Rahman) dan Happy (Zaini Abu Hassan), yang pada pandangannya gagal dalam mencorak kehidupan diri dan keluarga mereka sendiri.

Pada usia 34 tahun, anak sulungnya Biff masih tidak mampu mengisi impian ayahnya, malahan memilih untuk bekerja di ladang.

Happy pula, digambarkan wataknya dengan nama yang sedemikian rupa, juga tidak begitu mengambil endah hal keluarga, malah seakan mewarisi sifat ayahnya yang kaki perempuan. Happy yang gemar berfoya-foya hanyalah seorang pegawai rendah, tetapi suka berlagak sebagai orang penting dan hidup dipenuhi angan-angan. Zaini Abu Hassan dapat menjayakan watak itu menerusi mimik muka dan ekspresi emosi yang berkesan, meskipun lontaran suara agak perlahan dan kurang jelas.

Beberapa konflik melegari empat watak utama ini, dengan sesekali dicelahi watak halusinasi Willy abang Ben yang dijadikan idola kerana kejayaan mengecap material yang sering ditekankan sepanjang berlangsungnya cerita ini.

Ini ditambah pula halangan komunikasi di antara dua beranak yang tidak berkesudahan, ada kalanya amat menyayukan dan meruntun perasaan. Desakan hidup menuntutnya berusaha keras mencari kesenangan, meskipun dalam usia yang sebegitu meletakkan Willy Loman pada tempat yang tragis kerana isterinya, Linda begitu menyayanginya.

Realisme sebagai falsafah sosial dan gaya artistik yang dibangunkan dari naskhah Eropah sejak 1860 sebenarnya mengambil pemikiran falsafah naturalis dan menentang gaya penulisan konvensional yang menuntut teksnya diisi melalui pemerhatian secara langsung.

Ia diungkapkan melalui peniruan kembali ciri kehidupan sebenar seperti diungkapkan Eric Bentley sebagai *candid presentation of the natural world*. Menerusi drama ini, pengarahnya dilihat kekal menekankan elemen dunia kebendaan yang berlaku menerusi permasalahan sosial kontemporari.

Membandingkan persamaan wataknya dengan Troy Maxson karya August Wilson dalam *Fences*, drama komedi tragik seperti ini pada mulanya mengajak penonton berasa simpati melalui watak utamanya yang perlu dikasihani, tapi lama-kelamaan ia membentuk sebuah tragedi domestik; menampakkan kehidupan manusia biasa yang sengsara.

Ahmad Yatim (Willy Loman) tidak dapat disangkal kehebatannya melontar dialog di pentas, bersekali dengan ketahanan stamina yang memerlukannya 'menceceh' di dalam setiap babak, berjaya memperlihatkan penonton akan watak seorang manusia yang kurang *heroic*, tetapi pada masa yang sama masih memerlukan penghormatan dan perhatian. Mereka ini tetap merasai kebahagiaan dan keperitan hidup sebagai manusia, meskipun dengan hanya bekerja sebagai jurujual atau pun pengutip sampah. Kita boleh mengesani semangat dan perjuangan watak jenis ini dalam acuan baru heorisme pada zaman moden.

Meskipun set dan propsnya dibina menggunakan kayu, suasananya mampu membangkitkan nostalgia rasa kepada penonton. Bersekali dengan kostumnya yang mengekalkan elemen keinggerisan yang agak kuat, ia mampu membangkitkan kemesraan keluarga yang masih berbaki dalam hidup seorang jurujual yang merana seperti Willy Loman.

Diperkuatkan dengan selitan ucapan yang penuh *imagery*, rentak bahasanya membayangkan cita-cita setiap watak yang ada di dalam dunia mereka. Sesekali ia meningkatkan unsur suspens dengan ucapan Willy yang seolah menampakkan kegagalan yang bakal terjadi menerusi caranya mendidik kedua-dua anaknya.

Pemilihan muzik jaz dan santai yang berkumandang menambahkan unsur realiti yang cuba diketengahkan. Dengan improvisasi yang dilakukan secara berkesan, penonton tidak beralih dari mengikuti konflik yang ditimbulkan tanpa banyak halangan.

Que Haidar (Bernard) meskipun beraksi dalam adegan agak terhad, tetap muncul dengan aksi meyakinkan. Penonton bagai ternanti-nanti kehadirannya dengan imbas muka baru yang sengaja didatangkan secara kelam kabut. Watak sampingan yang lain seperti wanita (simpanan) Willy, dimainkan oleh Khatijah Tan serta beberapa orang gadis di restoran turut membantu menghidupkan realiti konflik.

Pada tangan seorang pengarah wanita, drama ini memasukkan unsur erotis yang terkawal, malahan mampu menyuntik unsur Barat yang diperlukan dalam sebuah karya terjemahan. Harus diakui bahawa watak sampingan menampakkan warna kehidupan yang sebenar, sedang aksi daripada pelakon utama secara emosinya tampak meyakinkan apabila ditangani pelakon berwibawa.

Mengambil teknik pementasan drama tragis Yunani, kematian watak utamanya cuba dinyatakan secara *off-stage*. Bunyi enjin kereta yang dihidupkan dan berlalu pergi, berserta jeritan ngeri seorang isteri, mengheret sama simpati penonton terhadap pengakhiran nasib yang terpaksa dilalui watak itu.

Sewaktu drama ini sedang hebat dipentaskan di Broadway pada 1949, Arthur Miller mempertahankan watak kelas bawahan yang menggantikan kelompok bangsawan dalam drama berbentuk moden agar mampu mengingatkan penontonnya supaya bersedia mempertahankan semua aspek harga diri yang tinggi dalam peribadi dan hidup masing-masing. Ini perlu untuk menjamin kehidupan manusia daripada menjadi tragis kehilangan seperti yang dialami Willy Loman.

165%
D+LA

sajak

# CATATAN SEORANG PERINDU

*Dari dingin yang menusuk*
*membentuk khusyuk di wilayah sepi*
*hangat yang melonglaikan*
*sujud tersungkur di pintu rindu*
*bulan malam didakap sepi*
*sumpah alam kian menunjukkan erang*
*membentuk hening dalam kasih yang panjang.*

*Di sini catatan seorang perindu melakarkan mimpi*
*sebuah mimpi dalam risik sebuah impian*
*sebuah citra dalam risik sebuah kesyahduan*
*melakar satu pengertian dalam alun tenang*
*dan kelana sebuah rindu semakin panjang*
*getir menghambur mengucup kesepian perindu.*

*Di sini catatan seorang perindu*
*mengalir dari alur kelananya yang jauh*
*dan jaraknya semakin memenjarakan langkah.*

*Di sini catatan seorang perindu*
*mencatat erti perjalanannya*
*dan semakin bercambah*
*kasih dalam hening yang panjang.*

***Zurairi Hanip***
***Akademi Seni Kebangsaan***
***Kuala Lumpur***
***6 Februari 2002***



158% F+LA

MALAY MAIL 13 JULY 2002

# A blend of traditional and modern grace

by jad mahidin

**DANCES of past, present and future will be presented by MyDance Alliance and The Actors Studio tonight at 8.30pm, at the Actors Studio Box, Dataran Merdeka.**

The show is only for one night and from what MyDance president Mew Chang Tsing has to say about it, it is not to be missed. Especially if you like contemporary, as well as, traditional dance.

Simply entitled **Folk, Semi Folk and Not So Folk**, the one-hour show will feature eight short pieces, all with a common link - elements of folk.

"They're quite light and easy pieces compared to my previous work," said Mew, who is also the principal of the RiverGrass Dance Academy and a lecturer at the National Arts Academy (Akademi Seni Kebangsaan or ASK).

She said since the establishment of RiverGrass in 1996, its Dance Theatre had featured works that incorporated the 'interculturality' of Malaysia.

"These tend to be serious issue-based productions. But we felt a lighter repertoire would provide a refreshing change," said the winner of the 2001 Most Distinguished Young Artist in Stage Cultural Performance award.

Mew said the styles, concepts and costumes varied from the traditional to contemporary.

"But that common link provides a base for the audience to see deviations from various folk elements."

Folk dance, she said, posed great challenges to her and her contemporaries in this programme.

"Folk dance has its traditional appeal and history. But stylising and adding a contemporary dimension require a lot more work.

She added there was a certain subtlety in incorporating modern elements into the dances.

Of the eight dances, Mew choreographed three - **On Bukit Cina**, **Poet and the Moonlight** and **Ngajat Kame, Mak Kame**.

The other four are from her current and former students.

"**Bukit Cina** is a combination of folk and contemporary elements. We use the *kebaya* top and the Chinese flare skirt for a costume, and instead of silk, we make use of a transparent *selendang* for effect," revealed Mew.

The piece depicts a group of tropical Chinese ladies dancing gracefully on Bukit Cina with the Malay women's favourite garment (the *selendang*). The ethnic fusion in this work came with Ming's Princess Hang Li Po's arrival in Malacca when the royal was married to Sultan Mansur Shah.

**Poet**, explained Mew, fused traditional Chinese dance with ballet. She choreographed it with herself and a male dancer in mind.

However, this time, it will be performed by Chua Meng Woo and Wong Yen Chiew.

The piece tells the story of a lonely poet seeking consolation from the moonlight. In comes the Moon Goddess and she starts dancing with him.

"**Ngajat Kame** was created especially for the dancer Sabarina Masadi. It is a combination of Sarawakian folk and modern dance. Sabarina is especially good at it because she has a way of making folk dances speak to the audience," Mew said, adding that former ASK student Sabarina had the highest score in her traditional dance exams when she was at the academy.

Other pieces in the programme include Intan Carina Abdul Karim's **Ukiran**, Zamzuriah Zahari's **Sendi Bertali**, Shafirul Azmi's **Komuniti** and Rozilah Abdul Rahman's **Hujung Jarum**.

The last piece, **Dikir Puteri**, is the work of her teacher, Surianty Widjaya, an Indonesian dance doyen whom Mew reveres and who has also made a name in the industry within the Southeast Asian region. Surianty has since opened up a dance academy in Hong Kong.

**Dikir Puteri** is a Kelantanese folk dance with no deviation, added Mew, that depicts the joy of village men and women dancing together to a popular, folk tune.

**❑ TICKETS at RM22 (adults) & RM 12 (students)**
**Call: 03-26945400/26925927 for more information.**

24(4)% E+LA

BERITA MINGGU 24 MAC. 2002

# Diploma ASK sudah dapat pengiktirafan

KUALA LUMPUR: Ibu bapa tidak perlu ragu-ragu untuk menghantar anak mereka belajar di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) berikutan kerajaan sudah mengiktiraf pengajian peringkat diplomanya setanding dengan institusi pengajian tinggi lain.

Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Tengku Alaudin Abdul Majid, berkata sesuai dengan pengiktirafan itu, ASK bersedia menerima lebih ramai pelajar yang ingin mendalami bidang seni pada sesi baru, bermula Mei ini.

Beliau mengakui sebelum ini ada ibu bapa keberatan menghantar anak mereka belajar di ASK kerana masalah pengiktirafan tetapi dengan keputusan Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan, Januari lalu, ia melegakan banyak pihak.

Bercakap dalam pertemuan di sini, Tengku Alaudin yang juga Pengerusi Majlis Akademik ASK berkata, pelajar yang memilih ASK beruntung kerana ramai tenaga pengajarnya terkenal dalam bidang seni tertentu.

Sebagai contoh, Zakaria Ariffin, tidak asing lagi dalam bidang drama, Joseph Gonzales, tarian dan Ramlan Imam bidang muzik.

Tengku Alaudin berkata, ASK akan terus menekankan 60 peratus pengajian dalam bentuk praktikal dan 40 peratus bentuk teori bagi melahirkan insan seni seimbang.

ASK menawarkan kursus tari, muzik, teater dan penulisan, manakala mulai sesi ini akan memperkenalkan satu kursus baru iaitu sinematografi, seni pendokumentasian dan pemaparan imej bergerak.

"Fokus ASK pada kursus itu untuk mengeluarkan penggiat seni terlatih yang memahami nilai estetika di dalam sesebuah pemaparan yang menggunakan medium media," katanya.

Menurut Tengku Alaudin, di antara kursus wajib pada pelajar sinematografi ialah seni gambaran dan penceritaan, filem, televisyen dan video serta teknik sinematografi dan rakaman serta pengadunan bunyi.

UTUSAN MALAYSIA 12 JUN 2002

S+LA 125%

# Terapkan nilai murni dalam karya seni

UM 12/6



ABDULLAH ZAINOL (kanan), Mohd Noor Sahid dan Ida Rahayu semasa dialog dengan Dr Siti Zaharah di Kuala Lumpur Isnin lalu..

Oleh KHADIJAH IBRAHIM

PARA penggiat seni diseru agar lebih realistik dan peka terhadap permasalahan sosial dalam menerbit atau menghasilkan karya.

Ini kerana karya seni yang dihasilkan itu secara tidak langsung mampu memberi kesan positif dan negatif kepada khalayak. Kerana itu setiap karya yang dihasilkan perlulah diterapkan nilai-nilai masyarakat murni sebagai salah satu usaha untuk menangani gejala sosial.

Saranan itu dibuat oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman semasa dialog dengan wakil daripada pelbagai pertubuhan dan persatuan kesenian di Kuala Lumpur Isnin lalu.

Antara penggiat seni yang hadir sesi dialog itu ialah pengarah drama dan teater terkenal Abdullah Zainol, produser filem Ida Rahayu Mohd Noor, Timbalan Presiden Karyawan Freddie Fernandez dan Mohd Noor Sahid dari Finas.

Bercakap kepada wartawan selepas dialog tertutup itu, Dr Siti Zaharah berkata, langkah itu bagi memastikan karya tersebut mampu memberi kesan positif kepada masyarakat.

Untuk perancangan jangka pendek, Dr Siti Zaharah meminta para penggiat seni supaya tampil mengemukakan pandangan yang positif dalam usaha membantu pihaknya membanteras gejala sosial.

"Ini merupakan kali pertama kita adakan perbincangan dengan penggiat seni sebagai langkah untuk membincang persoalan berkaitan senario sosial," ujar beliau.

Menurutnya, ini juga sebagai melengkapkan Dasar Sosial Negara yang boleh dijadikan sebagai asas untuk menangani permasalahan sosial.

Sebab itulah beliau mahu para penggiat menghasilkan filem atau drama yang menfokuskan pada pelbagai dilema masyarakat sebagai pendekatan untuk memberi kesedaran.

Salah seorang produser filem dan drama tempatan, Ida Rahayu Mohd Noor yang menghadiri dialog itu berkata, saranan Dr Siti Zaharah sememangnya memberi kebaikan kepada penerbit sepertinya.

Ini kerana selain daripada memberi bantuan geran, kementerian juga akan membantu daripada segi promosi.

"Apabila sesebuah filem atau drama sudah menjadi bahan kempen membanteras gejala sosial, secara tidak langsung ia akan menarik perhatian ramai," ujar Pengarah Urusan Eurofine itu lagi.

Memandangkan kesan untuk jangka panjang itulah, para penggiat seni sanggup memberi kerjasama kepada kementerian berkenaan dalam usaha untuk melahirkan masyarakat murni.

Tambah Ida, beliau juga dimaklumkan bahawa mana-mana pihak yang bekerjasama dengan kementerian berkenaan menghasilkan karya bermutu dan memberi kepentingan kepada masyarakat akan mendapat kelonggaran daripada Lembaga Penapisan Filem Malaysia (LPFM).

U+LA 150%



apa, malah Dermia juga hairan mengapa kekasihnya mengejar cinta sahabatnya.

Apabila Oberon mengetahui kesilapan Puck, dia meminta Puck agar membetulkan kesilapan itu dengan segera. Tetapi keadaan semakin huru-hara apabila Puck membuat Demetrius membalas cinta Helena dan pada masa yang sama, Lysander tetap mengejar cinta Helena. Helena menuduh Dermia cuba menghinanya kerana Helena selalu berasa dirinya tidak secantik Dermia.

Komposisi antara dua pasang kekasih ini bergerak serentak dengan perkembangan cerita. Semakin memuncak dan hangat konfliknya, semakin cepat gerak lakon dan ruang. Namun aspek lakon tidak berapa mendalam daripada perkembangan watak. Pelakon terlalu ghairah terhadap kecepatan pergerakan cerita dan ruang, sehingga mereka terbawa-bawa dengan kecepatan *mood* diri masing-masing. Mereka terlalu banyak menjerit. Boleh dikatakan bahawa mereka banyak menjerit dialog mereka. Keadaan ini menyebabkan luahan dialog menjadi monotonous. Kehadiran pari-pari berkasut roda, agak hambar tetapi ada juga unsur hiburan yang menarik.

Dalam kisah, Oberon sekali lagi memarahi Puck kerana terus membuat kesilapan. Niat asal Oberon adalah untuk melembutkan hati isterinya. Tetapi permainan Puck yang kadangkala nakal menyebabkan para pelawak sarkis (badut) turut terbabit. Semasa Bottom (Mohd. Fauzi Rais) sedang berlatih dengan kawan-kawannya, Puck datang mengacau. Dia menukarkan Bottom menjadi separuh keldai tanpa Puck sedari. Apabila Titania terjaga daripada tidur, dia sepatutnya akan menurut dan menyukai Oberon setelah ubat pengasih dihembuskan kepadanya, tetapi Titania ternampak Bottom lebih dahulu lalu terus jatuh cinta.



**Dunia sarkis membawa elemen ceria dan meringankan bahasa Shakespeare.**

Bottom dilayan dengan istimewa oleh Titania dan pari-pari. Setelah Oberon meminta Puck merawat Titania semula, barulah Titania menyedari bahawa dia sedang melayan manusia keldai. Titania kembali kepada Oberon.

Suasana teater ini sentiasa diserikan oleh kemeriahan para pelakon dan respons para penonton. Bukan mudah untuk membina konsentrasi penonton dalam sebuah persembahan di pentas terbuka. Namun secara keseluruhan, Rohani berjaya menambat tumpuan penonton untuk memahami dan menghayati kisah Shakespeare ini, terutama bagi penonton remaja.

Pada malam kedua, kebanyakan penonton terdiri daripada remaja. Ternyata mereka terhibur dengan persembahan yang berwarna ceria ini. Walaupun tahap pemahaman mereka tidak diketahui, tetapi kisah main-main cinta ini memang disukai oleh golongan remaja.

Sedikit sebanyak kisah ini dapat mendorong generasi muda asas mendekatkan diri mereka dengan budaya menonton teater. Walaupun dalam kehangatan malam dan tidak ada pelakon ternama, namun teater ini tetap menarik dan berjaya dihidupkan. Dengan adanya beberapa orang pelakon yang banyak pengalaman dalam dunia teater, maka semua penonton yakin terhadap persembahan yang menarik. TC

# WARNA MIMPI DI MALAM PANAS

**Oleh SERI KHIRNNA**



**Corak persembahan yang menarik dalam *Mimpi di Malam Panas.***

SELAMA TIGA MALAM, PENTAS Terbuka MTC, Jalan Ampang diwarnai oleh suasana seperti sebuah produksi sarkis Barat dan busananya seperti kembali ke abad ke-18. Penuntut Akademi Seni Kebangsaan mengembalikan naskhah komedi popular Shakespeare yang dialih ke dalam bahasa Melayu dengan tajuk *Mimpi di Malam Panas (MDMP)*. Tajuk asalnya *A Midsummer Night's Dream*.

Adaptasi karya Shakespeare ini diarahkan oleh pengarah wanita yang tidak asing lagi, Rohani Yousoff. Kreativiti gabungan set, warna, dan pencahayaan dapat memberi dan meyakinkan penonton untuk bersama-sama menikmati dan memahami alur cerita. Pemilihan dunia sarkis untuk membawa kisah ciptaan Shakespeare ini merupakan persepsi menarik kerana banyak elemen ceria dapat dibawa dan dapat meringankan bahasa Shakespeare agar tidak mendatangkan kebosanan.

Apabila persembahan begini disajikan di kalangan remaja, selain para pelakon yang terdiri daripada generasi muda, cara persembahannya juga cuba mendekatkan diri dengan dunia remaja masa kini.

Kekuatan karya Shakespeare bergantung pada pintalan konflik antara watak utama. Kekeliruan watak Puck (Shahrul Mizad) mengembangkan konflik dan mencetuskan kelucuan. Puck ialah sejenis makhluk halus yang setia berkhidmat untuk tuannya, Oberon (Rosman Ishak). Jika dalam naskhah asal, Oberon ialah umpama dewa bersama-sama isterinya Titania (Mardiana Ismail). Tetapi dalam persembahan ini, Oberon dijadikan sebagai pemilik sarkis. Ubat pengasih Oberon untuk melembutkan hati isterinya telah mencetuskan huru-hara apabila Puck tersilap menghembuskan ubat pengasih itu kepada dua pasang kekasih yang bekerja di sarkis tersebut.

Lakonan Puck, Titania, dan Oberon berjaya menambat hati penonton. Terutama Shahrul Mizad yang berperanan watak Puck, yang banyak pengalaman dalam pelbagai aliran teater, berjaya memanipulasikan perwatakannya. Para penonton terhibur dan kenal akan watak itu.

Momentum yang dibina oleh Rohani Yousoff juga pantas, dan tidak membosankan. Bagi dua pasang kekasih Lysander (Shahril Nizam Shahron) dengan Dermia (Sharmaine Othman) dan Demetrius (Ce'Kem) dengan Helena (Engku Norzalifah Engku Rased) ada keserasian antara mereka. Ketulusan hati watak-watak ini yang tidak tahu diri mereka telah dikucar-kacirkan oleh Puck tanpa sengaja, menjadi fokus utama perjalanan cerita. Helena yang pada mulanya mencintai Demetrius, tetapi sentiasa hampa dengan layanan hambar daripada Demetrius menjadi keliru apabila tiba-tiba sahaja Lysander, kekasih Dermia mencintainya. Helena ketakutan dan menyangka dirinya dipermain-mainkan oleh rakannya, Dermia. Hakikatnya Dermia tidak tahu apa-

UtLA 130%

# Anak Raja Gondang buah tangan Norzizi

BERITA HARIAN 15/1/02



PUT
Pete
dari

**Oleh Zainal Baharum**

MELIHAT teater makyung *Anak Raja Gondang* di tangan Norzizi Zulkifli yang dipersembahkan di Matic baru-baru ini, ada perbezaan dari segi pengolahan cerita dan persembahan yang lebih segar, bertenaga daripada yang pernah dipentaskan pada 1998.

Sebelum persembahan bermula di sekeliling pentas diriuhkan dengan pekikan dan larian ke sana ke mari oleh anak inang, yang dianggarkan 20 orang semuanya bertujuan memeriahkan suasana. Bisinglah suasana bagaikan pasar sehingga ada penonton yang tidak henti berbual terpaksa senyap seketika untuk memusatkan perhatian ke pentas apabila anak Inang berhenti kerana mengiringi Puteri Gerak Petra ke istana.

Kisah bermula dengan permaisuri Raja Besar, Puteri Gerak Petera sedang mengandung anak sulung. Sementara Raja Besar keluar berburu ke hutan untuk berburu Gajah Putih Bergading Hitam. Ketika dalam perburuan, Puteri Gerak Putera bersalin, tetapi tidak melahirkan seorang putera sebaliknya sebiji siput gondang.

"Kebanyakan pemain ataupun pelakon yang berlakon dalam teater arahan saya kali ini adalah pelajar ASK. Mereka adalah remaja yang mempunyai asas kukuh dalam lakonan. Tidak sukar untuk mereka mengikut apa yang saya mahu.

"Cuma bagi pihak saya sendiri, bagi memantapkan persembahan sebagaimana seharusnya, saya membuat kajian dulu. Perbincangan dengan pelakon juga sering dilakukan.

"Sebagai pelakon mereka mempunyai hak untuk memperkatakan sesuatu bertujuan menambah elokkan lagi perjalanan teater ini.

"Saya juga tidak segan bertanyakan kepada mereka yang lebih tahu seperti Che Mohd Nasir berkaitan muzik atau Fatimah Abdullah yang ada sangkut pautnya dengan tarian atau nyanyian," kata Norzizi.

Apabila Raja Besar pulang ke istana, baginda terkejut dan murka melihat anakandanya bukan manusia. Baginda menuduh Puteri Gerak Petera membuat hubungan sulit lalu dihalaunya puteri itu dari istana.

Puteri Gerak Petera bersama siput gondangnya membawa diri kemudian mendapatkan perlindungan dari Wak Fakir Jenang, bekas pekerja istana.

Baginda juga menyerahkan siput gondangnya untuk dijaga oleh Wak Fakir Jenang ketika dia pergi bekerja. Tetapi apabila tiba waktunya, gondang itu menetas maka keluarlah seorang putera.

Apabila Puteri Gerak Petera pulang dan didapati gondangnya kosong, berlakulah perbalahan kecil akibat salah faham antara baginda dengan Wak Fakir sehingga Anak Raja Gondang muncul di depan bondanya menceritakan hal yang sebenarnya. Baginda memohon izin memulakan pengembaraan mencari ayahandanya lalu berangkat ke Padang Luas Saujana.

"Saya mengambil kesempatan ini menyatakan rasa gembira dan tahniah kepada kerajaan yang menyediakan prasarana – tempat dan dana – seperti yang ada waktu kini yang memudahkan penonton datang menonton berbanding sebelumnya.

"Berbalik kep
keseluruhan pel
ngambil berba
Mardiana Ismail
wa watak Anak
Jika diberi pelu
kembang. Suatu
lakon tanah air
lepasan ASK," k

Cerita seterus
ngembaraan ana
yang melalui pel
namun kerana
nya, baginda da
nya.

Disebabkan k
menganianya W
kat baginda lalu
Pertanda Raja y
nya masuk ke is

Helahnya ber
kannya dengan
Besar yang bera
babkan tindaka
pa usul periksa
andanya terpaks
pelbagai masala

"Saya berpua
pihak ASK yang
kemudahan untu
ini. Persoalan pa
bukan suatu pe
Tapi pihak ASK
kerjasama yang
kin kepada saya
nakan *Anak Raja*
Norzizi.



**NAK** Mak
nang Kurang
empat Puluh
nenari
ersama rakan.

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN






KEKALKAN KEASLIANNYA ... Tarian Melayu merupakan suatu khazanah seni budaya yang perlu mendapat sahutan daripada golongan remaja sebagai pewaris masa depan negara. *(Gambar Hiasan)*

**Akademi Seni Kebangsaan mempelawa generasi muda terutama para pelajar yang berminat mengikuti latihan sepenuh masa atau separuh masa dalam pelbagai bidang kesenian**

# Malaysia tiada tolak bandingannya



Sambungan Dari Muka 8



seni budaya tradisi dan peradaban gen-

Warisan tradisi dan kebudayaan yang dimiliki oleh sesebuah suku kaum di negara ini, yang lahiriahnya kebanyakannya condong kepada pengaruh dunia moden menyebabkan generasi sekarang menjadikan budaya atau tradisi mereka sebagai 'remeh' dan memandangnya 'kuno'



KERAS DAN TANGKAS ... Mohd. Kamaludin semasa mengadakan demonstrasi Tai Chi.



LEMAH LEMBUT ... Hammah Samsudin (kiri) dan Sabarina Masadi (kanan) menggayakan satu tarian yang bakal dipelajari oleh mereka yang berminat untuk menyertai Akademi Seni Kebangsaan.

**Jika dibandingkan Malaysia dengan negara-negara Eropah yang sudah terbukti maju dari segi kepenggunaan sains dan teknologi, sudah pasti generasi masa kini lebih menitik beratkan budaya, adat, tradisi serta peradaban dunia barat**

# Seni budaya

SENI yang mempunyai kaitan rapat dengan tradisi serta kebudayaan, tidak sepatutnya dilupakan begitu sahaja sekalipun dunia kini sedang rancak melayan kemajuan sains, komputer dan teknologi maklumat.

Warisan tradisi dan kebudayaan yang dimiliki oleh sesebuah suku kaum di negara ini, yang lahiriahnya kebanyakannya condong kepada pengaruh dunia moden menyebabkan generasi sekarang menjadikan budaya atau tradisi mereka sebagai 'remeh' dan memandangnya 'kuno'.

Perkara sedemikian akan terus wujud dan kemu-

ngkinan warisan tradisi juga kebudayaan negara ini tidak lagi menggunakan gelaran 'dilupakan' malah ianya akan hanyut dibawa 'arus' perkembangan moden hasil kerja keras dunia barat.

Perlu ditegaskan bahawa negara barat jika dilihat daripada lahiriahnya, jauh lebih maju daripada negara-negara Asia Tenggara terutamanya di Malaysia. Ini kerana segala kelengkapan rutin baik dari segi makanan mahupun kemudahan asas, infrastruktur termasuk prasarana yang kesemuannya menggunakan alat-alat canggih.

Oleh itu,

# New waves of talent

## Students stage imaginative and entertaining production

■ **by yaanie**
(yaanie@hotmail.com)

**UNLIKE the media hype accorded to Jamming In The Box organised by The Actors Studio in collaboration with Mydance Alliance and RiverGrass Theatre two weeks ago, Akademi Seni Kebangsaan's (ASK) maiden production of the year Gelombang Baru took to the stage at the Auditorium Tuanku Abdul Rahman with the humility of scant publicity.**

In a jam packed theatre week featuring **Visits** and **Metamorphosis**, it seemed the odds were stacked heavily against the young student performers bringing to life **Gelombang Baru** on stage.

Adding to the irony of it all was that their tickets were priced at a mere RM10 compared to the pricey RM42 for **Visits** and up to RM82 for **Metamorphosis** .

The higher priced shows did not deliver or live up to expectations of the audience but a humbly priced show gave more value than the RM10 price of the ticket they charged.



FIERY PASSION : ASK students turn in excellent performances

and concepts.

Yes, there were acts where the grasp did not achieve the desired reach. That really did not matter because the performers succeeded in eloquently using dance to communicate the message as well as the intended reach in the pursuit and realisation of their acts.

Mohd Arifwaran Shahruddin's **Dogs** was an exquisite class act and was easily the most polished and matured of the ten acts served at **Gelombang Baru.** One is inclined to believe that he is one of the hottest talents on the local dance stage.

It is the total conceptualisation of the almost satirical **Dogs** that

creation of IBN spoke of sheer poise flair and artistry.

His choreography charmed with a graceful display that captured the rich tapestry of dance yesterday, today and into the future. There was a measured and matured sensitivity that understood the dynamics of pace and rhythm as well as variety in composition.

As he captured nostalgia, flirted with the contemporary that sought to pave the way for the future.

Mohd Kalauddin Mohd Daud's **Joe, Choo, Y** was another highly entertaining choreographed act. What made this piece a wonderful spectacle was the unique music composition of **Anas Salleh Rahbeni** which merely featured

**Protokol** would have sizzled in the way its pulsating music delivered if Mohd Firdaus had better clarity in the construction of its plot. This piece has a lot of potential to be reworked into a vibrant and wholesome dance that grips.

Junainah M. Lojong would have given a better account of her **Me, Myself And I** had she chosen not to act off the stage. Although bold in employing such a decision, it worked against her as by performing on the floor at the foot of the stage, audience visibility was badly affected and this prevented a better grasp of her act.

Choreographers Kien Kun Nam and Chua Meng Woo of RiverGrass Theatre Company

creations. Golak attempted to capture the movement of a sarong as it was soaked, washed, squeezed and beaten.

It was a clever piece of stage work that placed the actress washing the sarong on the left and the dancers trying to bring to life the movement of the sarong on the right. First it seemed puzzling that there were two dancers wrapped in the sarong but it all made sense as water has two parts - oxygen and hydrogen. The humanising of these elements was ingenious.

**Golak** was a commendable attempt worthy in its artistic reach and depth. There is scope to fine tune the enigma of the humanised hydrogen and oxygen to make it a compelling piece.

**Aku Menari??** choreographed by Shahril Nizam Shahrom succeeded in its satirical attempt. Its almost non-dance movements sought to mock dance idioms. Yet that was the whole point and it succeeded. Given its twisted climax, a dash of dramatic comedy would have given the act more satisfying.

